



Buletin **SUK** PERAK

BIL.3/2022

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak



BERSEKUTUAN
MALAYSIA
TEGUH BERSAMA

Semangat Merdeka KEMBALI MERIAH SETELAH ERA PANDEMIK

2030
PERAK
SEJAHTERA

SidangRedaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Amri
Reza Amirul Adib

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan
Qistina Izfarina

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT
PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

Adakah **ANDA** yang terakhir
keluar dari pejabat ini?

SILA PASTIKAN



Suis Lampu dan penghawa dingin
telah **DIMATIKAN**

Semua **KOMPUTER /**
PERKAKASAN ELEKTRIK PEJABAT
TELAH DIMATIKAN dan PLUG DICABUT



Pintu Utama **DIKUNCI**

KESELAMATAN PEJABAT
TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN

Anugerahkan DARJAH, PINGAT kepada 122 penerima

KUALA KANGSAR, 14 JULAI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perak Tahun 2020 dan 2021 di Istana Iskandariah, di sini.

Turut berangkat, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTm Raja Muda Perak, Raja Jaafar Almarhum Raja Muda Musa; DYTm Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah; DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah serta DYAM Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang- Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada isitiadat berkenaan, DYMM Paduka Seri Sultan Perak berkenan untuk menganugerahkan Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perak kepada 122 orang penerima yang melibatkan 96 orang bagi tahun 2020 dan 26 orang bagi tahun 2021.

Antara penerima pada isitiadat kali ini adalah YBrs. Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan), Dr. Norisah Mahat Noor yang dianugerahkan Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (PCM).

Selain itu, bagi Anugerah Darjah Paduka Mahkota Perak (PMP) telah dikurniakan kepada Pegawai Daerah Kerian, Encik Mohd Sabli Bakri, YBrs. Pengarah Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti Othman serta Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Encik Zulqarnain Mohamad.

Dalam perkembangan sama, istiadat penganugerah pada kali ini melibatkan Anugerah Darjah Paduka Si Manja Kini (PCM) seramai 6 penerima; Darjah Paduka Mahkota Perak (PMP) seramai 14 orang; Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (ACM) seramai 12 orang penerima; Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP) seramai 26 orang; Pingat Pekerti Terpilih (PPT) seramai 28 orang penerima; Pingat Jasa Kebaktian (PJK) seramai 34 orang dan Pingat Lama Pekhidmatan (PLP) seramai dua orang penerima.

IPOH, 16 JULAI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menganugerahkan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Negeri Perak 2022 kepada 315 penerima.

Keberangkatan tiba baginda ketika istiadat penganugerahan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan disambut oleh YBhg. Pemangku Ketua Pengakap Negara, Mejar Jeneral Profesor Dato’ Dr Haji Mohd Zin Bidin diiringi YAB Menteri Besar Perak, Dato’ Seri Saarani Mohamad dan Ketua Pesuruhjaya PPM Perak, Haji Ahmad Azam Shah Abd Majid.

Mendahului senarai penerima ialah YAB Dato’ Seri Saarani Mohamad merangkap Yang Dipertua PPM yang dianugerahkan Bintang Semangat Padi Kelas Kedua Perak (BSP-II).

Bintang Semangat Rimba Kelas Kedua Perak telah dianugerahkan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Ahmad Suaidi Abdul Rahim merangkap Timbalan Yang Dipertua PPM Perak; YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Komunikasi Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Saidi Mohamed Daud yang juga Naib Yang Dipertua PPM Perak dan YBhg. Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Tuan Aznan Haji Alias

Anugerah Sijil Pengakap Raja disampaikan kepada 222 penerima membabitkan ahli Pengakap Remaja pada 2019 dan 2020 yang berjaya menamatkan skema lencana di dalam pergerakan pengakap sekolah.

YBhg. Mejar Jeneral Profesor Dato’ Dr Haji Mohd Zin Bidin berkata PPM akan berusaha dengan lebih dinamik dan komited untuk melaksanakan Pelan Strategik PPM 2018-2023 dan 11 Fokus Utama Kepengakapan Negara.

Antaranya adalah pendigitalan, pengurusan aset yang bijak, pemerkasaan *Sustainable Development Goals*, pemerkasaan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dan perkembangan Community- Based Scouting.

“Kisah pergerakan pengakap di Malaysia amat wajar didedahkan kepada generasi mendatang agar dapat dijadikan wadah pembangunan modal insan negara,” ujar beliau ketika mengakhiri ucapannya.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN

MENGANUGERAHKAN BINTANG, PINGAT DAN SIJIL PENGAKAP RAJA KEPADA 315 PENERIMA



IPOH, 30 JULAI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan bahawa ayat 47-49 Surah Yusuf perlu dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah keselamatan makanan.

"Seruan berjimat, seruan menyimpan dengan bijaksana, juga seruan mempersiapkan diri menghadapi malapetaka yang terkandung dalam Surah Yusuf memberikan pengajaran penting dan amat relevan dalam senario yang sedang melanda dunia ketika ini.

"Allah S.W.T telah mengurniakan ummah di negara ini dengan kekayaan sumber semula jadi, tanah yang luas lagi subur, iklim yang menggalakkan, dan hujan sepanjang tahun; faktor-faktor yang memiliki unsur-unsur kesempurnaan (tahsiniyat) untuk mempermudah ummah berusaha menghasilkan bahan makanan," titah baginda.

Malah, baginda bertitah, perlu ada gerakan besar-besaran untuk memenuhi keperluan bekalan makanan.

"Jika tiada langkah serius dilaksanakan dengan segera, kita akan menghadapi suasana darurat makanan. Oleh itu, perlu difahami falsafah yang tersirat di sebalik konsep jelang padi dalam masyarakat Melayu.

"Usaha-usaha perlu dilakukan secara bersungguh dan berfokus untuk mengurangkan import. Langkah-langkah strategik perlu diperkenalkan untuk mewujudkan petani generasi baharu, meluaskan kawasan tanaman makanan, dan menggalakkan pengeluaran melalui kaedah moden walaupun di atas tanah bersaiz kecil," titah baginda ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maal Hijrah 1444 H Peringkat Negeri Perak di Hotel Casuarina@Meru, pagi ini.

Turut berangkat ialah DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTMM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Almarhum Raja Muda Musa dan DYTMM Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Dato' Haji Mohd Yusop Husin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.



IPOH, 30 JULAI 2022- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak, Dato' Haji As'ad Awang, 65, yang juga bekas guru dan pensyarah Bahasa Arab dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak bagi tahun 1444 Hijrah.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan anugerah berkenaan sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1444 H Peringkat Negeri Perak di Hotel Casuarina@Meru, pagi ini.

Setiausaha Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Sirat Abdullah pula yang memperkenalkan konsep masjid dalam kebun dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Ar Ridzuan.

Setiap penerima menerima hadiah wang tunai RM15,000 di samping pakej umrah bernilai RM7,000 berserta sijil.

Anugerah Belia diberikan kepada penuntut terbaik Malaysia dan ke sembilan dunia dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Siti Naziah Mohamad Naziq.

Anugerah Pengurusan Masjid Terbaik dimenangi oleh Masjid Bandar Universiti, Seri Iskandar manakala Anugerah Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Terbaik diberikan kepada Tanah Perkuburan Islam Kampung Padang Tembak, Lumut.

Tiga buah sekolah dipilih menerima Anugerah Usaha Tani Sekolah Terbaik iaitu Sekolah Kebangsaan Changkat Tin, Tanjung Tualang; Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Abdul Aziz, Lenggong dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Seri Wan Mohamed, Gerik.

Anugerah Usaha Tani Masjid Terbaik pula diberikan kepada Masjid Al Muhajirin, Kampung Nibong Hangus, Parit Buntar; Masjid Al Khairiah, Rantau Panjang, Selama dan Masjid Tajul Rahman, Teluk Intan.

Semua pemenang menerima hadiah wang tunai RM5,000 berserta sijil.

Turut berangkat, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; DYTMM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Almarhum Raja Muda Musa dan DYTMM Raja Puan Besar, Raja Nazhatul Shima Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Dato' Haji Mohd Yusop Husin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

Ahli Majlis Fatwa Perak

Dato' Haji As'ad Awang

Dinobatkan Sebagai Tokoh

Maal Hijrah

1444H





DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN MELAWAT

Konsep Pertanian Moden SECARA SKALA SEDERHANA

IPOH, 30 JULAI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan melawat 'Urban Farming' yang terletak di aras 2, Hotel Casuarina@Meru ketika berangkat ke Majlis Sambutan Maal Hijrah 1444 Peringkat Negeri Perak, di sini.

"Langkah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) serta Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri dan Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc) untuk meningkatkan penghasilan bahan makanan merupakan perintisan usaha baharu di luar daripada norma budaya kerja biasa, satu langkah penghijrahan yang strategik," titah baginda dalam majlis berkenaan.

Menurut YBrs. Pengarah Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti Othman, sebanyak 2,700 pasu ditanam di sini dan hasil tuaian akan diberikan kepada rumah-rumah anak yatim di sekitar Ipoh melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Antara rumah-rumah anak yatim adalah Yayasan Amanah An-Nur Maisarah, Asrama Anak-Anak Yatim dan warga miskin budi mulia Nurul Huda, Maahad Tahfiz Al-Quran dan Akademik BAKIP (MATAQAB) serta Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim dan Miskin Nurul Iman.

Turut berangkat ialah DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Dato' Haji Mohd Yusop Husin.



**DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK
BERKENAN HADIR KE ISTIADAT**

SAMBUTAN HARI PAHLAWAN

NEGERI PERAK



IPOH, 31 JULAI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menghadiri istiadat sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Perak di Dataran Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

Ketibaan baginda kira-kira jam 9 pagi diiringi DYTM Raja Muda Perak, Raja Jaafar Almarhum Raja Muda Musa dan Raja DYAM Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah yang turut sama berangkat ke majlis sambutan itu.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YDH Ketua Polis Perak, Dato' Pahlawan Mior Faridalathrash Wahid; YBhg. Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Datuk Abu Bakar Md Ajis dan Panglima Markas 2 Briged, Tuan Brigedier Jeneral Mohd Azmurin Mat Khalib; dan seluruh barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Istiadat dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebesaran Negeri Perak diikuti pemeriksaan kawalan kehormat oleh baginda yang terdiri daripada tiga pegawai kanan polis dan 102 anggota lain-lain pangkat dari Batalion 1 Pasukan Gerakan (PGA) Brigade Utara, Ulu Kinta dipimpin oleh Pegawai Baris, Deputi Superintendan Md Shazni Md Shariff.

Pegawai pembawa panji-panji pula adalah Inspektor Mohd Izar Ramli dengan detasmen perhimpunan mengandungi seramai 780 pegawai dan anggota merangkumi 11 jabatan serta agensi kerajaan dan keselamatan.

Sebaik kawalan kehormat selesai, tiupan paluan akhir (Last Post) dimainkan dan bendera Jalur Gemilang kemudian diturunkan.

Istiadat diteruskan dengan bacaan doa khas Hari Pahlawan oleh Asisten Superintendan Mohd Mahyuddin Mohd Mokhtar dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh dan diikuti deklamasi sajak bertajuk 'Pahlawanku' oleh Asisten Superintendan Ahirrudin Mat Saat dari PGA Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sebaik selesai, tiupan *Rouse* dimainkan dan Jalur Gemilang kembali dinaikkan semula diikuti Lagu Kebesaran Negeri Perak sebelum kawalan kehormatan utama keluar perbarisan menandakan tamatnya upacara.

Baginda kemudiannya berkenan berangkat ke majlis santapan dan menyaksikan beberapa persembahan nyanyian dan pentomen di Dewan Bankuet sebelum berangkat pulang.





Semangat Merdeka

KEMBALI MERIAH

SETELAH ERA PANDEMIK

IPOH, 31 OGOS 2022- Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 yang diadakan di perkarangan Dewan Bandaran, Jalan Panglima Bukit Gantang disambut meriah setelah era pandemik dengan kehadiran lebih 15,000 orang membanjiri dataran sejak awal pagi lagi.

Acara dimulakan sebaik keberangkatan tiba DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersama DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim serta putera dan puteri baginda, YTM Raja Kecil Besar Perak, Raja Dato' Seri Azlan Muzaffar Shah dan YTM Raja Nazira Safya kira-kira jam 8.00 pagi.

Sejurus tiba, baginda berkenan memeriksa kawalan kehormat yang terdiri daripada 106 pegawai dan anggota lain-lain pangkat dari Rejimen Askar Jurutera Diraja 2 Divisyen, Kem Sangro, Taiping sambil diiringi pancaragam KD Pelandok Tentera Laut Diraja Malaysia disusuli dengan nyanyian lagu Negaraku dan Lagu Kebesaran Negeri Perak.

Majlis sambutan diteruskan dengan bacaan ikrar Hari Kebangsaan oleh 16 orang Pelajar Tingkatan 6, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Putra di hadapan pentas utama sebelum persembahan nyanyian koir seramai 105 orang daripada gabungan 3 buah sekolah iaitu SJK Ave Maria Convent, SMJK Sam Tet dan SMJK Ave Maria Convent yang menyampaikan 2 buah lagu, Keluarga Malaysia Teguh Bersama dan Jalur Gemilang.

Persembahan muzikal yang mengisahkan perjuangan rakyat Malaysia bersama-sama menentang pandemik COVID-19 turut mencuri perhatian.



Acara kemuncak pada majlis sambutan ini adalah perarakan masuk 95 kontinjen dari pelbagai jabatan dan agensi, membabitkan 6,200 peserta bagi menyertai acara perbarisan.

Antara kontinjen yang mengambil bahagian adalah kontinjen daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), agensi-agensi kerajaan serta swasta, pertubuhan bukan kerajaan, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah.

Turut berangkat, DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah dan isteri DYAM Tunku Soraya Binti Almarhum Sultan Abdul Halim.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato ' Seri Saarani Mohamad, Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.



DYMM TUANKU ZARA SALIM BERKENAN RASMI *Pusat Jagaan Harian Pesakit Demensia*

IPOH, 21 SEPTEMBER 2022- DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan merasmikan bangunan Pusat Jagaan Harian BebeLEC khusus untuk pesakit demensia seperti Alzheimer di Jalan Lang, Padang Tembak di sini, hari ini.

Baginda turut berkenan melancarkan buku panduan ringkas berkaitan demensia bertajuk 'Adakah Sifat Pelupa Sesuatu Yang Normal?'

Di majlis tersebut, baginda diiringi oleh Yang Dipertua Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak, YBhg. Datin Seri Aezer Zubin untuk menandatangani plak sebelum melawat pusat berkenaan.

Hadir sama, YB Timbalan Menteri Pendidikan, Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon dan Pengerusi Pertubuhan Demensia Perak, Profesor Dr. Esther Ebenezer.

Menurut Profesor Dr. Esther Ebenezer, BebeLEC mula beroperasi pada Julai tahun lepas dan ini merupakan pusat demensia pertama dalam negara yang mempunyai taman terapeutik dan bilik rangsangan kognitif hutan maya.

Selain terapi muzik, pusat berkenaan menyediakan refleksologi, penjagaan kecantikan, salun serta gimnasium bagi menggalakkan kesihatan fizikal dan mental buat penghuni berusia 60 tahun ke atas yang menghadapi penyakit itu.

Kini, pusat ini mempunyai seramai 20 pesakit demensia berusia antara 60 hingga 93 tahun dengan dijaga oleh beberapa sukarelawan dari pukul 8 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Tambahnya lagi, terdapat 126,000 pesakit demensia yang direkodkan pada 2020 dan penyakit itu boleh dihadapi oleh individu yang berusia seawal 50-an.

"Penting untuk mereka yang mempunyai simptom awal mendapatkan diagnosis yang tepat bagi mendapatkan rawatan yang diperlukan untuk menangani gejala dan mengekalkan kualiti hidup.

"Penyakit Alzheimer ialah penyakit neurodegeneratif, atau penyusutan sel saraf otak yang berlaku secara berperingkat dan progresif yang merupakan punca utama demensia, iaitu pelbagai gejala atau sindrom yang timbul disebabkan oleh kemerosotan fungsi otak," katanya.





IPOH, 13 JULAI 2022- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui Kelab Seri Perak Darul Ridzuan (KESEDAR) telah mengadakan Program Gotong-Royong Ibadah Korban bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini.

Kira-kira hampir 100 orang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan kakitangan dari setiap bahagian di Pejabat SUK Perak bergotong royong bagi menjayakan program tersebut yang bermula seawal jam 8.30 pagi.

Pada tahun ini, sebanyak dua ekor lembu telah dikorbankan dan proses penyembelihan telah dilakukan di Rumah Sembelihan Ipoh terlebih dahulu sebelum dibawa ke parkir bas, Bangunan Perak Darul Ridzuan bagi proses seterusnya.

Terdahulu, warga Pejabat SUK Perak telah dibahagikan mengikut pasukan dengan 10 orang daripada setiap bahagian bagi melakukan kerja-kerja melapah, membungkus, memasak, menghidang dan juga memastikan kebersihan tempat dijaga.

Selepas selesai kerja-kerja yang dilakukan, daging korban tersebut telah diagihkan kepada warga golongan sasar dan para petugas.

Hadir sama bagi memeriahkan majlis, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim serta YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin.

PROGRAM GOTONG-ROYONG

Ibadah Korban

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK





PELAN 2030 PERAK SEJAHTERA



PASTIKAN TIADA RAKYAT TERPINGGIR

IPOH, 18 JULAI 2022- Kerajaan Negeri Perak akan memastikan tiada mana-mana kumpulan rakyat yang terpinggir daripada program pembangunan di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, pelan itu bersifat dinamik di mana penyesuaian dan penambahbaikan boleh dilakukan bagi memenuhi keperluan perancangan atau tuntutan semasa di luar jangkaan.

"Pelan itu merupakan rancangan pembangunan negeri yang menjadi penunjuk arah untuk jentera kerajaan merancang dan merencana pembangunan Perak menuju tahun 2030.

"Kita mempunyai matlamat yang cukup jelas, iaitu memastikan Perak Makmur, Rakyat Sejahtera menjelang 2030 dan hala tuju ini telah disokong dengan tujuan yang jelas bagi memacu pembangunan sosioekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan pada Persidangan Pertama Mesyuarat Kedua Tahun Kelima Dewan Negeri Yang Ke - 14, Perak Darul Ridzuan, di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani lagi, kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan pembangunan sosioekonomi yang mapan dalam berdepan dengan pelbagai cabaran dan ketidakpastian yang sedang dan akan berlaku dalam tempoh menuju tahun 2030.

"Pembangunan tidak akan bermakna jika limpahan dan manfaat yang diraih daripadanya tidak dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, jantina mahu pun status ekonomi.

"Oleh itu, kerajaan negeri akan memastikan pembangunan inklusif yang dirancang menerusi pelan ini tidak akan meminggirkan atau mengenyahkan mana-mana kumpulan rakyat," ujarnya lagi.



IPOH, 16 OGOS 2022- Program Hari Bertemu Pelanggan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak komited untuk memberi peluang kepada rakyat menyelesaikan masalah serta aduan dengan lebih cepat dan secara bersemuka.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, sehingga 14 Jun 2022, sebanyak 573 aduan telah diterima dan 394 aduan telah diselesaikan dan diambil tindakan lanjut.

"Sepanjang empat siri program ini, antara jabatan atau agensi yang telah menerima aduan tertinggi adalah Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Perak serta Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Batu Gajah (PDT).

"Bagi MBI, antara masalah dan aduan utama yang diterima ialah mengenai isu longkang runtuh, landskap tidak terurus dan mengganggu ketenteraman orang awam. Bagi PTG Negeri Perak pula, peratus penerimaan aduan dan permohonan tertinggi adalah berkaitan pelupusan dan pembangunan tanah.

"Manakala, aduan utama yang diterima oleh PDT Kinta Batu Gajah adalah masalah berkaitan pembangunan tanah, pencerobohan dan pelupusan," jelasnya kepada pemberita selepas Program Hari Bertemu Pelanggan Siri Kelima, di Stadium Indera Mulia, pagi ini.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dan Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW), Puan Srihartini Mohamed Shamsudin.

Tambah YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, istimewanya hari ini, pengunjung turut berpeluang menghadiri Program Jelajah Kasih Keluarga Malaysia @ Perak Sejahtera 2030 yang dilaksanakan oleh Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak).

"Antara pengisian program ialah taklimat berkenaan perkongsian usahawan Wanita Berjaya dan motivasi keibubapaan oleh Pengerusi Dewanita Malaysia, Dato' Hajah Nor Haliza Hussain dan Pencetus Ummah, Mohammad Amirul Amin Maula Lokman Hakim (PU Amin)," katanya.

HARI BERTEMU PELANGGAN **SIRI 5 / 2022** **"KERAJAAN NEGERI PERAK"**





BAGAN SERAI, 29 OGOS 2022- Kerajaan Negeri Perak menawarkan insentif kewangan kepada atlet yang berjaya meraih pingat atau memecah rekod pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang akan diadakan pada 16 September sehingga 24 September 2022 di sekitar Lembah Klang.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, insentif tersebut akan diberikan mengikut kategori individu dan berpasukan bagi meningkatkan semangat juang para atlet.

"Bagi kategori individu yang berjaya meraih pingat emas, atlet tersebut akan menerima insentif sebanyak RM5,000, RM3,000 bagi pingat perak dan RM1,000 bagi pingat gangsa.

"Manakala, untuk kategori berpasukan, kerajaan negeri akan menganugerahkan insentif setiap seorang sebanyak RM2,500 untuk pingat emas, RM1,500 bagi pingat perak dan RM500 bagi pingat gangsa.

"Bagi atlet yang berjaya memecah rekod SUKMA pula akan diberi wang insentif sebanyak RM1,000.

"Insentif ini adalah sebagai pembakar semangat mereka untuk membawa bendera Perak, visi dan misi untuk mencapai kejayaan semasa bertanding nanti.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Negeri Perak ke Temasya SUKMA 2022 di Dewan Sebarau, Bukit Merah Laketown Resort. Temasya SUKMA tahun ini, kontinjen Perak menyasarkan 50 pingat emas dengan mengambil kira pencapaian semasa atlet negeri itu.

Tambahnya lagi, seramai 531 orang atlet dari negeri ini akan menyertai 426 acara melibatkan 31 jenis sukan yang dipertandingkan pada temasya tersebut.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin dan YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YB Pengerusi Jawatankuasa Belia Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed; YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Haji Mohd Zolkafly Harun dan YBrs. Ketua Kontinjen SUKMA Negeri Perak 2022, Encik Johari Sham Ahmad Shohor Affendi.



DIALOG BELANJAWAN 2023:

Sekuriti Makanan

Dan Kesejahteraan Sosial

Antara Isu Utama

IPOH, 9 SEPTEMBER 2022- Sekuriti makanan dan kesejahteraan sosial masyarakat terutama penjagaan orang-orang tua serta anak-anak yatim piatu menjadi antara isu yang dibangkitkan dalam Program Dialog Belanjawan 2023 Perak Darul Ridzuan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad yang telah mempengerusikan dialog tersebut, berkata, seperti yang turut dititahkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, sekuriti makanan menjadi isu utama sekarang ini.

"Saya berharap pihak berkaitan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dan Institut Darul Ridzuan (IDR) untuk menitikberatkan isu ini kerana persoalan sekarang adalah bagaimana kita ingin menangani krisis yang sedang berlaku ini.

"Saya dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Puan Halizah Sipun bersedia untuk mengkaji balik peruntukan yang diperlukan untuk menangani isu ini," jelasnya.

Manakala, dari segi kesejahteraan sosial pula, beliau bersetuju dengan pandangan bahawa kita tidak seharusnya terlepas pandang mengenai keperluan penjagaan orang tua dan anak-anak yatim.

"Apabila kita menyebut tentang kesejahteraan sosial, dalam belanjawan yang lepas, kita telah menyediakan peruntukan pembiayaan persekolahan dan bantuan sara hidup bagi penjaga anak-anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa disebabkan COVID-19.

"Tetapi, saya faham ia tidak memadai kerana dari semasa ke semasa, kita perlu lihat keperluan untuk kita menjadikan usaha kebajikan ini bukanlah diuruskan oleh sukarelawan semata-mata. Kerajaan juga perlu mengambil serius mengenai perkara ini," ujarinya ketika berucap di program tersebut.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; 59 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta 17 agensi kerajaan negeri.

YB Tuan Mohd Zaki Mahyudin turut membentangkan kedudukan kewangan semasa. Malah, kerajaan negeri amat mengalu-alukan segala cadangan bagi pembangunan negeri termasuk penambahbaikan projek atau program sedia ada untuk dipertimbangkan dalam Belanjawan Tahun 2023.



LENGKONG, 26 SEPTEMBER 2022- Kerajaan negeri di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak bersiap siaga untuk menghadapi banjir terutama di 76 lokasi yang kerap dilanda banjir di Perak.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata demikian selepas merasmikan Hari Sungai Sedunia, Jelajah Denai dan Sambutan Ulang Tahun ke-90 Jabatan Pengairan dan Saliran Peringkat Negeri Perak di Dataran Tasik Raban, pagi ini.

"Contoh daerah Hulu Perak ini, bila hujan lebat saja di Royal Belum, antara lokasi banjir adalah di Lenggong iaitu di Kampung Sumpitan, Kampung Kota Tampan Air dan di Gerak pula adalah Kampung Padang.

"Di kawasan-kawasan ini, kita telah meletakkan bot-bot penyelamat untuk menyelamatkan rakyat sebaik sahaja berlakunya banjir," jelasnya.

Menurutnya lagi, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah di setiap 12 daerah negeri ini sedang mengambil tindakan berjaga-jaga antaranya kerja-kerja mengorek pulih sungai, mendalamkan sungai dan menyelenggara kolam takungan.

"Setakat ini, kerja-kerja penyelenggaraan kolam tadahan banjir telah dilaksanakan di 336 lokasi yang melibatkan keluasan 490 hektar," katanya.

Malah, di bawah Projek Ramalan Amaran Banjir Negara, kerajaan negeri telah memasang sistem amaran siren di 33 lokasi serta akan tambah lagi 27 sistem amaran siren di sungai-sungai seluruh negeri yang dijangka siap pada tahun 2025.

"Sistem amaran banjir juga telah dipasang di dua buah lokasi di sekitar kawasan Sungai Lenggong bagi membantu untuk memberi amaran kepada penduduk kampung apabila paras air sungai mulai naik ke tahap yang bahaya.

"Siren-siren ini akan berbunyi sebanyak dua kali sebagai tanda amaran. Siren yang pertama berbunyi apabila aras air di peringkat berjaga-jaga dan siren kedua apabila aras air berada di peringkat bahaya," ujarnya.

Untuk rekod, Perak mempunyai 55 buah stesen hujan telemetri, 27 stesen aras air telemetri serta 43 lokasi rumah pam banjir yang berada di bawah seliaan JPS bagi mengurangkan risiko banjir.

Hadir sama, YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, Dato' Haji Mohd Zolkafly Harun dan Timbalan Pengarah JPS negeri, Puan Ir Vasukey Palany Kumar.



17 Ogos 2022
8.30 PM

Banku
Negeri Perak



PENJAWAT AWAM PERLU CABAR KREATIVITI DIRI UNTUK MENGHASILKAN

INOVASI

IPOH, 17 OGOS 2022- Penjawat awam perlu mencabar diri dan menangkis segala kemustahilan dan menterjemahkannya kepada keberhasilan menerusi inovasi, kreativiti dan penggunaan teknologi untuk menjadikan proses kerja lebih efisien dan efektif.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Dato' Zainol Fadzi Paharuddin berkata demikian semasa mewakili YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad merasmikan Program Pembudayaan Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2022 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Program ini membawa tema "Semarak Inovasi, Menggarap Infiniti" yang merangkumi budaya dan sinergi dalam kalangan individu, keluarga dan masyarakat yang akan membawa negara ke arah kemajuan dan transformasi tanpa batas.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, program tersebut menerima sambutan yang amat menggalakkan apabila pelbagai seminar dan aktiviti perkongsian ilmu yang dijalankan telah menarik 650 orang peserta secara maya manakala pertandingan telah disertai oleh lebih 100 orang peserta.

"Kerajaan telah menyediakan beberapa platform pertandingan untuk mencungkil bakat inovasi dalam penjawat awam.

"Antara pertandingan tersebut adalah Pertandingan Tema Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Perak Tahun 2022, Pertandingan KLIK Horizon Baharu Negeri Perak Tahun 2022 dan Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Perak Tahun 2022.

"Bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Perak Tahun 2022, kategori anugerah utama yang ditunggu-tunggu untuk dimenangi adalah Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB) di mana pemenang boleh membawa pulang wang tunai sebanyak RM20,000.

"Bukan itu sahaja, istimewanya tahun ini, buat julung kalinya kita mempunyai Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau," jelasnya.

Tambahnya lagi, secara keseluruhan, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM172,000 untuk 10 kategori dalam kesemua anugerah pertandingan ini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyuddin dan YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Encik Mohd Akmal Kamarudin.



KARNIVAL MESRA ANAK MUDA

KAMU

@

lokéinOrama
CARNIVAL

PROGRAM BELIA
BERSELAWAT

SEMPENA KARNIVAL ANAK MUDA (KAMU)

@ LOKÉINORAMA



IPOH, 16 SEPTEMBER 2022- Karnival Anak Muda (KAMU) @ LOKÉINORAMA yang bermula pada 16 hingga 18 September ini di Stadium Indera Mulia, di sini telah menampilkan kelainan apabila memulakan acara dengan Program Belia Berselawat. Bacaan selawat bagi program tersebut telah dipimpin oleh Pencetus Ummah (PU) Yeop serta kumpulan nasyid terkenal iaitu Kumpulan Rabbani.

Program yang bermula pada jam 9.00 malam itu dimeriahkan lagi dengan kehadiran belia atau pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 10, Maahad Imtiyaz, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 7 Tambun dan Sekolah Izzuddin Shah.

Selesai sesi berselawat, program diteruskan lagi dengan sesi tazkirah oleh PU Yeop dan persembahan alunan nasyid daripada Kumpulan Rabbani.

Hadir sama bagi memeriahkan majlis, YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed yang mewakili YAB Menteri Besar Perak, YBhg. Pengarah Tanah dan Galian Perak, Dato' Mohamad Fariz Mohamad dan YBrs. Pengarah Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Tuan Haji Mohd Misbahul Munir Masduki.





GLC PERAK SUMBANG

352 EKOR LEMBU KORBAN

IPOH, 4 JULAI 2022- Kerajaan Negeri Perak telah menerima sumbangan sebanyak 352 ekor lembu korban bernilai RM2,632,000 daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Perak.

Sumbangan tersebut telah disampaikan melalui YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim yang mewakili YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad.

Antara GLC terlibat termasuk Lembaga Air Perak (LAP) yang menyumbangkan 50 ekor lembu dengan nilai RM300,000; Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan sumbangan 12 ekor lembu bernilai RM72,000; Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dengan sumbangan 230 ekor lembu bernilai RM1,660,000; Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.) dengan sumbangan 40 ekor lembu bernilai RM 240,000 dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) dengan sumbangan 60 ekor lembu bernilai RM360,000.

Sumbangan lembu korban tersebut akan diagihkan ke masjid, surau dan rumah sembelihan di kesemua 59 Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Perak seterusnya akan diselaraskan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang beragama Islam.

Manakala bagi kawasan ADUN yang bukan beragama Islam, agihan lembu korban akan diselaraskan oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah masing-masing.

Hadir sama dalam Majlis Akad Penyerahan Lembu Korban tersebut, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; YBhg. Timbalan Mufti Negeri, Dato' Haji Zambri Hashim; YBhg. Pengurus Besar LAP, Dato' Ishak Abdul Rahman; YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak; YBrs. Ketua Pegawai Eksekutif SADC, Tuan Haji Yahanis Yahya; Encik Norafzanizam Abdul Manan yang mewakili MB Inc. serta Encik Zulkefli Abdullah yang mewakili SSI.

Dalam perkembangan sama, satu garis panduan khusus menumpukan aspek wakalah atau kontrak antara pihak terlibat akan diedarkan bagi memastikan pelaksanaan program itu berlandaskan tuntutan syarak.

Pelaksanaan ibadah korban perlu memenuhi peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).



IPOH, 11 SEPTEMBER 2022- Kepsatan Industri 4.0 kini akan lebih mencabar dengan pertembungan antara kebergantungan tenaga kerja manusia dan mesin robotik ciptaan manusia sendiri.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Perak Tahun 2022 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar, pagi ini.

"Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, kita perlu menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri yang berubah dengan pantas dan drastik.

"Graduan perlu berdaya saing dengan tahap kompetensi yang tinggi, berinformasi, selain memiliki kemahiran komunikasi yang tinggi," ujarinya ketika berucap di majlis tersebut.

Tambahnya, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, TVET 4.0 bermatlamat untuk menghasilkan graduan yang berkualiti.

"TVET 4.0 berteraskan bentuk pengajaran dan pembelajaran baharu, tadbir urus responsif dan mampan, pendekatan penyelidikan gunaan dan inovasi baharu serta bakat yang didorong teknologi," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada 973 graduan daripada 13 buah Kolej Komuniti di Perak yang berjaya menerima Lulusan Diploma dan Sijil Kolej Komuniti.

Hadir sama, YBrs. Pengarah Kolej Komuniti Pasir Salak merangkap pengerusi kepada Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Perak Tahun 2022, Puan Roziah Ismail; YBrs. Pengarah Kanan (Kompetensi), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Encik Rosless Yahya dan YBrs. Pengerusi Pengarah-Pengarah Perak, Encik Hj. Meor M. Sharifuddin Meor Shukri.

Turut berlangsung, penyampaian Anugerah Ketua Pengarah kepada Ibrahim Sulaiman dan Anugerah Usahawan Kolej Komuniti kepada Nur Amalya Faqihah Mat Zafri. Kedua-dua mereka memiliki kelulusan Diploma In Patisserie dengan Himpunan Purata Nilaian Mata (HPNM), 3.95.

Kini, Ibrahim Sulaiman sedang bekerja di *La Vie En Rose Patisserie*, Pulau Pinang manakala, Nur Amalya Faqihah Mat Zafri bekerja di *Amalya Cake Garden*, Kedah.

GRADUAN TVET 4.0 PERLU BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI PERMINTAAN INDUSTRI



IPOH, 28 SEPTEMBER 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim optimis dengan persediaan agensi-agensi penyelamat bagi menghadapi bencana.

Beliau yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak (JPBN) telah mengadakan lawatan Pemantauan Kesiapsiagaan Barisan Hadapan Dalam Menghadapi Bencana Monsun Timur Laut.

Lawatan pemantauan tersebut memberi fokus kepada pusat kawalan operasi agensi bagi mendapatkan gambaran pengoperasian sewaktu bencana dan tahap kesiapsiagaan agensi terlibat apabila menghadapinya.

YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim memulakan sesi lawatan tersebut dengan melawat bilik operasi Angkatan Pertahanan Awam (APM) Perak di Kompleks Pejabat KDN, Bandar Meru Raya, di sini.

Kehadiran beliau telah diiringi oleh Timbalan Pengarah APM Perak, Leftenan Kolonel (PA) Mohammad Azwani Kusni yang turut sempat menyampaikan taklimat mengenai bilik operasi di sana.

Seterusnya, sesi lawatan tersebut diteruskan lagi dengan melawat Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Negeri Perak.

Hadir sama dalam lawatan tersebut Pengarah JPBM Perak, YS PKPJ Azmi Osman yang turut memberikan taklimat mengenai fungsi bilik pengoperasian dan juga langkah-langkah yang akan dilakukan apabila berhadapan dengan bencana.

Sesi lawatan tersebut diakhiri dengan melawat Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak di Jalan Sultan Iskandar, di sini.

Setibanya YB Ahmad Suaidi Abdul Rahim di sana, beliau telah disambut baik oleh Timbalan Ketua Polis Perak, DCP Dato' Pahlawan Azizi Mat Aris dan terus dibawa melihat bilik operasi Jabatan Keselamatan Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNK A) IPK Perak.

Dalam perkembangan sama, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan, negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini, yang membawa kepada banjir besar pada penghujung bulan berkenaan.

Antara negeri yang akan terjejas adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Selangor.

YB SUK OPTIMIS

Persediaan Barisan Hadapan

BENCANA MONSUN

TIMUR LAUT



IPOH, 29 SEPTEMBER 2022- YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim hadir bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Taklimat Pengurusan Bencana Kepada Penghulu-Penghulu negeri Perak di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Beliau merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak (JPBN) turut berpesan dalam ucapannya agar penghulu-penghulu melakukan persediaan yang terbaik di kawasan masing-masing.

"Program yang dirancang ini merupakan sesuatu yang penting kerana penghulu diibaratkan sebagai ketua barisan hadapan, oleh itu mereka perlu bersedia untuk bergerak bagi menghadapi bencana yang akan menjejaskan kawasan-kawasan mereka.

"Ini kerana mereka dilihat sebagai individu yang paling dekat dengan penduduk, jadi mereka lebih mengenali dan mengenal pasti rumah yang mempunyai orang tua atau orang kurang upaya (OKU) supaya dapat menghantar bantuan dengan secepat mungkin jika terjadinya bencana," katanya.

Selain itu, taklimat tersebut bertujuan bagi memberi pendedahan dan pemakluman kepada para penghulu berkenaan kaedah pengurusan bencana, peranan setiap agensi dan jabatan dalam pengurusan bencana daerah.

Antara pengisian taklimat tersebut adalah mengenai 'Forward Command Dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)' yang disampaikan oleh Inspektor Gerakan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), IPK Perak, Tuan ASP Khairul Nizam Ismail.

Seterusnya, sesi diteruskan lagi dengan taklimat oleh Pegawai Pertahanan Awam Daerah Muallim, Kapt. (PA) Shahrizal Hussin mengenai 'Peranan Komuniti Dalam Pengurusan Bencana Setempat'.

Sesi tersebut bersambung lagi dengan taklimat mengenai 'Siren Amaran Banjir' yang disampaikan oleh YBrs. Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Puan Ir. Vasukey Palany Kumar.

Selanjutnya, sesi taklimat diteruskan dengan taklimat oleh YBrs. Pengarah Jabatan Meteorologi (MET), Encik Ibrahim Johari dengan tajuk 'Ramalan Cuaca dan Tahap Amaran'.

Meneruskan lagi objektif program iaitu YBrs. Ketua Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak, Encik Zaini Abd Kadir dengan taklimat mengenai 'Peranan Komuniti Pusat Pemindahan Sementara (PPS)'.

Akhir sekali, bagi menutup sesi itu, para penghulu yang hadir telah diberikan taklimat mengenai 'SOP Kawalan Penyakit Berjangkit Semasa Bencana' oleh Pegawai Epidemiologi Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Dr. Noor Rizawati Mahpot.

Majlis Perasmian Penutup *Taklimat* **PENGURUSAN BENCANA** **KEPADA PENGHULU-PENGHULU NEGERI PERAK**



AR DATO' SAGOR KAMPONG GAJAH



PASIR SALAK, 1 JULAI 2022- Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Perak yang bermula pada hari ini telah menerima sambutan yang baik dengan menyasarkan lebih 30,000 pengunjung bagi menghadiri program tiga hari yang berlangsung di Litar Dato' Sagor di Kampung Telok, Kampung Gajah di sini.

YBrs. Pengarah Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun berkata, beliau melihat sambutan yang diterima adalah sangat baik dan beliau yakin sasaran 30,000 pengunjung mampu dicapai.

"Kita telah menerima sambutan yang baik dari kalangan para pengunjung dan pada hari pertama ini saya lihat dari segi pendaftaran, ia sudah hampir mencecah 8,000.

"Saya menjangkakan menjelang hari kedua dan ketiga, kita dapat meningkatkan lagi jumlah pengunjung dan mampu mencapai sasaran iaitu seramai 30,000 orang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa sidang media di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perak di sini.

Ujar YBrs. Puan Halizah Sipun lagi, bagi menarik kehadiran para pengunjung untuk hadir, pelbagai program, kaunter perkhidmatan serta pameran kementerian, jabatan serta agensi kerajaan turut disediakan buat para pengunjung selama tiga hari ini.

"Kita menjangkakan Program Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia akan menjadi tumpuan pengunjung kerana kita telah mendapat sokongan yang baik dari pihak industri serta majikan dalam memulihkan ekonomi secara bersama-sama.

"Selain itu, apa yang lebih menarik lagi adalah tawaran pengurangan kadar kompaun saman trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebanyak 50% dan 50% sehingga 80% bagi kompaun Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, JAKM merupakan cetusan idea YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan merupakan kesinambungan daripada kejayaan program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 12 Disember tahun lepas.

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dijadual akan merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perak pada ahad ini.



**PERAK TERIMA
SAMBUTAN BAIK,
SASAR 30,000 PENGUNJUNG**



SELAMAT DATANG | WELCOME

PAVILION

PETTING ZOO

@pavilion.pettingzoo

@GUNUNG LANG



Pavilion PETTING ZOO

@Gunung Lang

**SYURGA PENCINTA HAIWAN ANDA
DI IPOH**

Tahukah anda bersebelahan Taman Rekreasi Gunung Lang di Ipoh, terdapat sebuah kawasan khas buat anda sang pencinta haiwan khusus pada hujung minggu.

Di Pavilion Petting Zoo@Gunung Lang, anda akan ditemani oleh hampir 800 haiwan, termasuk arnab dan pelbagai jenis burung, rakun, kambing, kuda, angsa, landak, hamster, reptilia seperti ular, iguana dan banyak lagi.

Jika anda ke sana, jangan lepaskan peluang untuk melihat 'Panda' seekor kambing biri-biri yang manja dan jinak yang pasti akan membuat anda tersenyum.

Bagi anda yang tertanya, Pavilion Petting Zoo@Gunung Lang akan mengenakan bayaran tiket masuk buat para pengunjung iaitu RM8.00 bagi dewasa, RM8.00 kanak-kanak, RM12.00 bagi bukan warganegara dan percuma buat warga emas dan OKU.

Jadi jangan lepaskan peluang anda, jadikan Pavilion Petting Zoo@Gunung Lang sebagai lokasi pilihan bersama keluarga dan sesuai dijadikan tempat bagi mencipta kenangan indah.

